

# Situasi Beruk

Industri Pertanian dan Pemuliharaan Beruk



GRASP

arcus  
FOUNDATION



# Situasi Beruk

## Industri Pertanian dan Pemuliharaan Beruk

### Ringkasan Esekutif

Kita hidup dalam keadaan seperti apa yang dikatakan sebagai “Anthropocene”, yang merupakan suatu tempoh masa yang dicirikan sebagai kehilangan biodiversiti dan spesies, perkara sebegini tidak pernah berlaku pada 65 juta tahun dahulu. Peningkatan dalam populasi manusia, peralihan corak sosial dan komersil, serta ketidakseimbangan ekonomi, telah bantu menjejaskan kekekalan sumber-sumber asli di dunia yang tidak lestari dan menyumbang kepada konflik, kekurangan bekalan air dan makanan, ketidaksuburan tanah, pencemaran, perubahan iklim serta merosakkan ekosistem.

Dalam ekonomi globalisasi kami, komoditi-komoditi yang kita gunakan – sama ada makanan, bahan api, pokok kayu atau input-input perindustrian – semakin banyak ditanam, dituai dan diekstrak dalam negara-negara yang sedang membangun, tanpa mengira pada pasaran akhir mereka. Ekosistem tropika mengekalkan sebahagian besar biodiversiti dunia ini, dengan memberi produk-produk semula jadi dan perkhidmatan yang tidak terbilang, serta memainkan peranan yang penting dalam mengawal selia iklim dan kitaran karbon dan hidrologi. Industri pertanian terus mencero bohi persekitaran ini, disertakan dengan perkembangan infrastruktur, pencemaran yang semakin buruk, dan peningkatan dalam kehadiran manusia di persekitaran ini, semua ini meningkatkan keancaman kepada kewujudan ekosistem dan pelbagai spesiesnya.

Antara spesies-spesies yang paling terancam adalah beruk besar dan ungka. Kedua-dua spesies ini telah mengalami kemusnahan habitat dalam seluruh rangkaian, ini disebabkan oleh kedua-dua faktor pembangunan ekonomi dan juga kemiskinan tempatan. Dengan meningkatkan kefahaman kita berkaitan dengan kesan perindustrian pertanian terhadap beruk, *State of the Apes: Industrial Agriculture and Ape Conservation* bersasar untuk mengumpul pelakon-pelakon dalam badan kerajaan, industri, masyarakat awam dan sektor-sektor pembangunan dan pemuliharaan untuk menempatkan pembangunan ekonomi dan sosial pada kedudukan yang lebih mapan. Untuk berbuat demikian, jilid ini – merupakan siri kedua – membentangkan asal usul, analisis secara mendalam mengenai isu-isu pemuliharaan beruk, statistik-statistik yang terkini mengenai status dan kebajikan beruk. Ia mengkaji kedua-dua impak secara langsung dan tidak langsung mengenai pencerobohan perindustrian pertanian terhadap habitat beruk. Buku ini tidak akan memburukkan pertanian; namun, ia mengakui bahawa sektor ini adalah penting untuk menghasilkan makanan yang diperlukan dan bahan api, dengan ini, ia mempunyai potensi untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara-negara dan wilayah-wilayah

yang termiskin di dunia. Dalam mengenalpasti cara-cara untuk mengurangkan dan meminimalkan kerosakan yang diakibatkan oleh pertanian, jilid ini menyumbang kepada pencarian penyelesaian yang akan membolehkan pembangunan dalam ekonomi dan sosial, sementara itu, memelihara dan memuliharkan alam semula jadi.

Pertanian yang dilakukan pada habitat beruk tersebut mempunyai kedua-dua kesan secara langsung dan tidak langsung. Hutan-hutan terpaksa dimusnahkan supaya tanah di kawasan tersebut disediakan dan ditukar untuk kegunaan pertanian, ia satu proses yang menghalau dan memusnahkan rumah, rangkaian dan makanan beruk-beruk, bersama dengan akses kepada kumpulan-kumpulan dan individu beruk yang diperlukan untuk pembiakan. Seperti yang dijangkakan, kejadian interaksi manusia-beruk tumbuh disebabkan beruk-beruk menyeberangi ladang pertanian dan memakan tanam-tanaman, dengan itu, ia juga memberi risiko penyebaran jangkitan penyakit di antara manusia dengan beruk. Pada masa yang sama, pemburuan secara haram, membunuh dan menangkap beruk-beruk tersebut semakin bertambah disebabkan respon-respon masyarakat yang melihat beruk-beruk sebagai “perosak,” usaha mencari daging liar ataupun melibatkan diri dalam perdagangan haiwan peliharaan haram.

Kesan perindustrian pertanian adalah berbeza mengikut spesies. Ungka, yang bersifat kewilayahan dan hampir selalu, mungkin adalah yang paling terjejas akibat daripada perindustrian pertanian. Beruk yang lain, yang boleh memakan, tidur atau tersebar dalam landskap agro-industri, mungkin lebih baik, tetapi hutan yang besar dan habitat semula jadi yang terikat masih kekal penting untuk kelangsungan hidup jangka panjang mereka.

Bukan sahaja negara-negara yang sedang membangun di dunia – dan terutamanya di sub-Sahara Afrika mempunyai kadar pertumbuhan penduduk yang paling cepat, tetapi ia juga mempunyai sebahagian besar ladang tanah pertanian yang berdaya maju. Sepanjang 50 tahun yang lalu, pengembangan dalam sektor pertanian telah dikaitkan terutamanya dengan makanan dan minyak yang telah menjadi makanan asas bagi hampir seluruh populasi di dunia: ubi kayu, jagung, minyak kelapa sawit, pisang, kentang, seko, kacang soya, gula, ubi kentang, gandum dan keladi. Pekebun berasas tani kecil merupakan penyumbang yang signifikan kepada kehilangan hutan di Afrika, tetapi, peningkatan yang pesat dalam permintaan untuk makanan dan tanaman bahan api – dan terutamanya minyak kelapa sawit – mengakibatkan pencerobohan daripada industri pertanian yang berskala dalam habitat beruk.

Tekanan daripada pengguna untuk menghen-

### **State of the Apes 2015 editions:**

Arcus Foundation (2015). *State of the Apes: Industrial Agriculture and Ape Conservation*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.

Arcus Foundation (2015). *Situasi Beruk: Industri Pertanian dan Pemuliharaan Beruk*. Arcus Foundation and GRASP.

Arcus Foundation (2015). *Kondisi Kehidupan Kera: Pertanian Industrial dan Pelestarian Kera*. Arcus Foundation and GRASP.

Arcus Foundation (2015). *La Planète des Grands Singes: l'agriculture industrielle et les grands singes*. Arcus Foundation and GRASP.

Arcus Foundation (2015). 猿类状态：  
农业产业化和猿类保护  
Arcus Foundation and GRASP.



*Situasi Beruk* mendefinisikan istilah "industri pertanian" atau pertanian berasaskan industri sebagai satu kaedah pengeluaran hasil tanaman yang mempunyai ciri-ciri ladang monokultur dan tanaman yang besar yang bergantung sepenuhnya kepada penggunaan bahan kimia, racun perosak, racun herba, penggunaan air secara intensif dan juga pengangkutan, penyimpanan dan pengedaran infrastruktur yang berskala besar. Walaupun di dalam edisi ini istilah "industrial agriculture" digunakan, ianya juga boleh dirujuk sebagai industrial farming, intensive agriculture or farming, plantation agriculture, pertanian berskala besar dan pertanian secara komersial.

Walaupun, petani kecil menyumbang kepada impak yang besar terhadap hutan tropika, edisi ini hanya membincangkan petani-petani kecil yang merupakan sebahagian daripada system yang bergantung kepada rakan kongsi dalam industri yang lebih besar untuk mendapatkan input dan penjualan komoditi, seterusnya menyumbang kepada landskap monokultur yang lebih luas.

kan penebangan hutan dan amalan lain yang tidak lestari terhadap alam sekitar telah mendorong kepada penubuhan secara sukarela suatu piawaian dan badan-badan untuk menggalakkan mereka. Salah satu badan-badan tersebut ialah Roundtable on Sustainable Palm Oil, dimana, seperti kebanyakan organisasi sebegini, menyatukan pengeluar, pemproses dan peruncit serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Sementara Roundtable menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk mengubah pasaran global minyak kelapa sawit kepada satu pasaran yang lebih mapan, pengalamannya dalam skim pensijilan dan penglibatan industri lain kemungkinan besar akan memainkan peranan penting dalam membentuk industri untuk terus berkembang.

Penyelidikan secara khusus adalah penting untuk meningkatkan kefahaman kita mengenai kesan pertanian terhadap habitat buruk, tetapi dengan melindungi buruk-buruk daripada kesan kehilangan habitat dan peningkatan dalam kehadiran manusia adalah perkara yang lebih mendesak dalam jangka masa pendek. Matlamat pusat ini – dan kepada pemuliharaan biodiversiti secara umum – adalah berkesan untuk perancangan kegunaan tanah pada peringkat landskap. Dengan menggabungkan alam sekitar serta pertimbangan ekonomi dan sosial, penggunaan tanah berasaskan rancangan dapat membantu untuk memastikan pengurusan tanah dan sumber-sumber secara saksama dan mapan – bukan sahaja, dengan mengenalpasti kawasan yang penting untuk dilindungi dan mengawal koridor-koridor penghijrahan untuk menyambungkan hutan yang perlu dilindungi dan diuruskan secara mapan.)

Sementara buku ini memberi perhatian kepada impak perindustrian pertanian terhadap buruk dan habitatnya, bahagian kedua meninjau kepada landskap yang lebih luas tentang cabaran pemuliharaan. Dalam kedua-dua, Afrika dan Asia Tenggara, kehilangan habitat, pemburuan dan penyakit masih kekal sebagai ancaman-ancaman utama kepada kelangsungan hidup buruk. Tekanannya adalah berbeza, tetapi mendasari mereka dalam semua landskap adalah desakan untuk pembangunan. Aktiviti pembalakan, perlombongan, dan mencari galian minyak dan gas – fokus jilid pertama *State of the Apes* – meneruskan dengan memusnahkan dan merendahkan kawasan habitat buruk yang luas, kedua-duanya secara langsung melalui operasi mereka, dan secara tidak langsung melalui peningkatan dalam kehadiran manusia, yang telah tertarik dengan pelu-

ang-peluang pekerjaan dan akses kepada kawasan hutan yang sebelum ini terpencil melalui jalan-jalan yang baru. Perubahan iklim, pengeluran tenaga, kemiskinan, rasuah dan konflik juga merupakan ancaman yang sukar terhadap buruk dan habitatnya.

Oleh kerana jilid ini menunjukkan bahawa penyelidikan jangka panjang adalah tidak bernilai untuk memantau perubahan dalam habitat dan populasi buruk, kepada reka cara aktiviti-aktiviti dan dasar-dasar pemuliharaan yang sesuai, serta memperbaiki amalan industri. Di kawasan-kawasan dimana penyelidik dapat menganalisis data sejak beberapa dekad yang lalu, ia mempunyai kemungkinan untuk menghasilkan cadangan-cadangan berasaskan bukti mengikut skala. Dimana sahaja apabila pemantauan adalah tidak sesetengah, tidak konsisten atau terganggu untuk jangka masa yang panjang, asas pengetahuan adalah sejajar dengan tidak mencukupi, yang akan merumitkan usaha-usaha untuk memaklumkan kepada dasar dan amalan serta mereka bentuk intervensi yang berkesan.

Sambil itu, populasi buruk liar di Afrika dan Asia telah menurun secara mendadak, bilangan individu-individu di pusat-pusat penyelamatan dan kawasan perlindungan di negara-negara yang lain telah berkembang secara signifikan. Kebanyakan haiwan-haiwan ini diselamatkan dari para pedagang haram, landskap perindustrian pertanian ataupun dari kampung-kampung dimana, mereka itu disimpan sebagai hiburan atau sebagai haiwan peliharaan, sering kali dalam keadaan yang mengerikan. Kawasan perlindungan di kebanyakan negara bermatlamat untuk memulihkan dan melepaskan buruk-buruk kembali ke dalam hutan, merupakan satu matlamat yang semakin sukar untuk dicapai, sebagai besarnya disebabkan oleh kekurangan tapak pelepasan yang sesuai.

Di luar kawasan negara perlindungan buruk, buruk berada dalam kurungan di makmal penyelidikan, dalam industri hiburan, sebagai haiwan peliharaan dengan pemilik persendirian dan zoo yang tidak terkawal. Undang-undang yang mengawal buruk dalam kurungan adalah tidak konsisten dan tidak teratur, menjadikan tugas memastikan kebajikan buruk lebih mencabar. Lebih daripada itu, kehadiran buruk-buruk dalam filem dan televisyen, serta sehingga satu tahap dalam zoo, boleh menjejaskan persepsi masyarakat terhadap buruk sebagai ancaman, justeru itu, berpotensi untuk mengurangkan sokongan masyarakat terhadap pemuliharaan buruk.





Dalam menempuh arus modernisasi, sistem sosial dan ekonomi sedunia semakin berubah. Permintaan terhadap sumber semula jadi seperti tanah, air, sumber mineral, sumber tenaga, makanan dan kayu semakin meningkat. Cabaran zaman ini bukan sahaja dalam menangani trend kompleks tersebut, tapi melaksanakan strategi yang mengimbangi keperluan alam sekitar dengan keperluan sosio-ekonomi. Volum 'State of the Apes' telah dalam menyumbangkan penyelidikan dan analisis yang tulen. Jumlah kajian kes serta hasil kerja pihak kepentingan yang mengkaji perhubungan antara pemuliharaan beruk dengan industri pertanian telah disiapkan. Penilaian teliti terhadap pengembangan sektor pertanian dan pelaburan tanah telah mendedahkan masalah dihadapi serta rangka undang-undang yang dikuatkuasakan dalam penerokaan tanah.

Penyelidikan ini bermatlamat untuk menyedarkan serta mempengaruhi pembuat dasar, pakar industri, para pembuat keputusan, para akademik, para penyelidik dan pihak NGO bagi berfokus semula visi industri pertanian, pemeliharaan dan pemuliharaan beruk, serta pembangunan sosial dan ekonomi setempat

“*'Situasi Beruk' merupakan salah satu penerbitan yang mengagumkan serta Siri ini menekankan kewujudan beruk yang sering diancam oleh pelbagai faktor baru seperti mencari gali mineral, pencarian sumber tenaga, perkembangan sector pertanian dan penerokaan tanah. Semua faktor ini bukan sahaja mengancam masa hadapan beruk, malah mengancam habitat liar serta biodiversiti. 'State of Apes' memberikan satu penilaian yang realistik terhadap prospek pemuliharaan beruk. Melalui pemeriksaan teliti terhadap hubungan rumit antara negeri-negeri lain, jidil ini telah mendedahkan juga dasar yang berpotensi menentukan kemusnahan dan kelangsungan hidup haiwan ini.*”

**Matthew V. Cassetta**

Fasilitator, Congo Basin Forest Partnership  
U.S. Department of State



**Gambar:**

Latar belakang: © Ardiles Rante/Greenpeace

Bonobo: © Takeshi Furuichi

Gibbon: © IPPL

Gorille: © Annette Lanjouw

Orangutan: © Jurek Wajdowicz, EWS

Chimpanzé: © Nilanjan Bhattacharya/Dreamstime.com